

# KPM sedia bantu UMS tingkat hubungan dengan industri



**DR. MASZLEE MALIK**

03 Oktober 2019 9:34 PM

KOTA KINABALU 3 Okt. - Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik berkata kementerian akan berusaha untuk membantu mempertingkatkan hubungan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan pihak industri.

Menjelaskan perkara itu, Maszlee berkata, UMS mempunyai kawasan yang cantik dan berpotensi untuk dibangunkan kerana mempunyai produk pelancongan.

Beliau berkata dengan kehadiran hampir 1,000 pelancong setiap hari melawat UMS menjadikan universiti itu sebagai satu daripada tarikan destinasi pelancongan.

“Ia sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada pelajar di universiti ini. Selain itu, kementerian juga mahu menjalankan kerjasama dengan universiti luar negara,” katanya kepada pemberita selepas sesi Town Hall bersama pelajar UMS, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Pendidikan dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Yusof Yacob, Naib Canselor UMS Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Mistirine Radin.

Maszlee berkata, kementerian juga akan berusaha membawa lebih ramai pelajar daripada negara ASEAN belajar di UMS agar universiti itu lebih dikenali di peringkat antarabangsa.

Terdahulu dalam sesi itu, Maszlee menyarankan kerajaan negeri dan syarikat berkaitan kerajaan agar memberi peluang dan mengambil pelajar UMS untuk menjalani latihan amali di agensi berkaitan.

Beliau berkata, ia bagi memberikan pengalaman kepada pelajar untuk menguruskan masa dengan baik selain memberikan keyakinan kepada mereka menghadapi alam pekerjaan.- BERNAMA